



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتر حَالِ اَلْاِءْءَالِ اَلْاِءْءَالِ اَلْاِءْءَالِ اَلْاِءْءَالِ اَلْاِءْءَالِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

24 SYAWAL 1445H/ 03 MEI 2024M

KONSEP KERJA MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Sempena Sambutan Hari Pekerja

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾ (الجمعة : 10)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ
فَارَزَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang berkat dan di dalam masjid yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat yang menjadi tetamu Allah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan keimanan dan ketaqwaan, kita menjadi insan yang cemerlang memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**Konsep Kerja Menurut Perspektif Al-Quran**".

SIDANG JEMAAH YANG DI KASIHI ALLAH SEKALIAN,

Majoriti daripada kita pada hari ini menghabiskan masa dewasa kita selama tiga puluh tahun atau lebih untuk bekerja selama lapan jam sehari dalam dunia pekerjaan. Ada yang bekerja di sektor kerajaan, sektor swasta, bekerja sendiri, berniaga dan sebagainya. Menerusi aktiviti bekerjalah manusia dapat mencari rezeki, menemui potensi diri, mencapai kemajuan seterusnya kekal hidup dan berusaha memakmurkan bumi sepertimana firman Allah dalam Surah Hud ayat 61;

* وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ ۗ هُوَ أَنشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا ...

Maksudnya: “Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya...”

Jelas, pekerjaan dan kehidupan adalah dua ungkapan yang tidak boleh dipisahkan dalam usaha manusia menjalankan fungsi memakmurkan bumi. Justeru, Islam menilai aktiviti bekerja dengan taraf kemuliaan yang tinggi. Buktinya begitu banyak ayat-ayat al-Quran al-Karim yang membincangkan serta menerangkan perspektif islam mengenai konsep bekerja.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Terdapat **TIGA** perspektif utama yang boleh kita ambil melalui al-Quran apabila menyentuh soal kerja atau bekerja. Perspektif yang utama ialah bekerja sebagai ibadah. Kerja sebagai ibadah bermaksud tugas atau tanggungjawab yang dilaksanakan oleh kita yang beriman bagi mendapatkan upah atau ganjaran dan keredaan Allah SWT. Ibadah

dalam Islam tidaklah hanya terhad kepada amalan ibadah ritual semata-mata seperti solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya yang berupa ibadah khusus, akan tetapi ibadah itu juga merangkumi segala pekerjaan berunsur kemasyarakatan, mencari sumber rezeki, mentadbir negara dan lain-lain.

Allah SWT berfirman Surah Al-Jumu'ah ayat 10 :

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”

Ayat di atas secara jelas memerintahkan kita supaya keluar bekerja mencari rezeki selepas melaksanakan kewajipan solat dan pada masa yang sama memperbanyak mengingati Allah SWT dengan cara menjunjung segala titah-Nya sesuai dengan tuntutan syarak. Jelas disini islam melalui sandaran al-Quran mengiktiraf bekerja atau pekerjaan itu sebagai ibadah yang mulia.

SIDANG JEMAAH YANG DIREDAI ALLAH SEKALIAN,

Perspektif al-Quran yang kedua ialah bekerja sebagai Sunahtullah. Menjadi sunahtullah bahawa antara cara untuk mendapatkan rezeki adalah melalui bekerja. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mulk ayat 15;

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ
النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Maksudnya: *“Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah;”*

Allah SWT telah menciptakan bumi untuk umat manusia menjelajahinya dengan mudah serta dapat memanfaatkannya dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti pertanian, perniagaan, pengangkutan dan sebagainya. Ayat ini juga mendorong umat manusia supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai kehendak manusiawi yang diinginkan dari rezeki kurniaan Allah SWT.

Bagi menyokong hujah ini, mimbar bawakan sabda baginda Rasulullah SAW dalam Kitab Sahih Bukhari yang **maksudnya;** *“Jika salah seorang daripada kamu mengambil tali kemudian pergi ke gunung lalu kembali dengan seikat kayu api di belakangnya, lalu menjualnya dan dengan itu Allah menjaga air mukanya (daripada api neraka), adalah lebih baik baginya daripada meminta-minta daripada orang ramai sama ada diberi ataupun tidak.”* (HR Bukhari, 1471)

SIDANG JEMAAH YANG DIHORMATI,

Selain ibadah dan rezeki, al-Quran juga melihat kerja sebagai ujian kepada sifat amanah manusia. Bekerja merupakan suatu amanah yang terkait juga padanya nilai kejujuran dan tanggungjawab serta kaitan dosa pahala. Barangsiapa yang menjalankan amanah pekerjaan dengan baik maka Allah menjanjikan balasan yang baik dan begitulah sebaliknya.

Bersempena dengan tema Sambutan Hari Pekerja pada tahun ini iaitu **“Pekerja Kesuma Bangsa”**, adalah menjadi harapan kita agar negara

Malaysia dapat melahirkan lebih banyak pekerja yang ideal sesuai tuntutan al-Quran dan Sunah. Selain itu, kita juga berharap dengan **Konsep 3K, (Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan)** yang diperkenal dan diusahakan oleh Kementerian Sumber Manusia dapat memastikan pengurusan atau tatakelola yang baik kepada setiap pekerja di negara ini. Kita hanya mampu berusaha dan merancang, kepada Allah SWT jualah kita memanjatkan doa dan pengharapan. Firman Allah SWT dalam Surah al Insyirah ayat 7-8;

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ۖ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain), Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini).”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan, serta menangkanlah mereka dengan bantuan bala tentera-Mu yang tidak terduga oleh mereka.

Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami, hujan yang lebat merata, mengairi, menyuburkan, bermanfaat tanpa mencelakakan, turunkanlah hujan di sekitar kami, turunkanlah hujan ke dataran tinggi, gunung-ganang, bukit-bukau, lembah, dan tempat tumbuhnya pepohonan.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.